



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA, MAC 2026

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 8.2 peratus pada Mac 2026

PUTRAJAYA, 13 MEI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mac 2026**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 8.2 peratus pada Mac 2026 (21,310 tan metrik) berbanding pada Februari 2026 (22,124 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 29.3 peratus (Mac 2025: 28,739 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mac 2026 disumbangkan terutamanya oleh pekebun kecil (87.8%) berbanding estet (12.2%).

Jumlah stok getah asli pada Mac 2026 menurun 1.8 peratus kepada 139,174 tan metrik berbanding 141,697 tan metrik pada Februari 2026. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 79.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (20.8%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 33,137 tan metrik pada Mac 2026, menurun 2.2 peratus berbanding Februari 2026 (33,897 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 44.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mac 2026 diikuti Jerman (18.1%), Portugal (4.6%) Amerika Syarikat (4.4%) dan Brazil (3.9%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai RM0.92 billion pada Mac 2026, meningkat 3.8 peratus berbanding Februari 2026 (RM0.88 billion).

Dari segi harga purata bulanan menunjukkan lateks pekat merekodkan 665.40 sen sekilogram pada Mac 2026 berbanding 586.69 sen sekilogram pada Februari 2026 (+13.4 peratus). Manakala sekerap merekodkan harga purata bulanan 654.27 sen sekilogram pada Mac 2026 berbanding 631.13 sen sekilogram pada Februari 2026 (+3.7 peratus). *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga Mac 2026 bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) adalah USD1.95/kg

meningkat 1.5 peratus daripada USD1.93/kg dan harga SGP/MYS (Singapura/Malaysia) adalah USD2.39/kg meningkat 5.8 peratus daripada USD2.39/kg pada bulan sebelum.

Pengeluaran getah asli pada suku pertama 2026 menurun sebanyak 10.4 peratus kepada 71,013 tan metrik berbanding 79,247 tan metrik pada suku keempat 2025. Sementara itu, prestasi suku pertama 2026 juga mencatatkan penurunan sebanyak 25.3 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Mac 2026, pasaran getah Kuala Lumpur menunjukkan trend meningkat pada Mac 2026. Sentimen pasaran positif disokong oleh kebimbangan terhadap potensi kekurangan bekalan getah dan harga getah sintetik yang lebih kukuh yang menyebabkan penggantian ke arah getah asli. Harga juga disokong oleh dasar ekonomi China yang akomodatif, data ekonomi yang positif dari China, dan perkembangan yang menggalakkan dalam perdagangan Amerika Syarikat-China, selari dengan jangkaan oleh Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) terhadap penggunaan getah asli yang lebih tinggi pada 2026.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>


Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mac 2025, Februari - Mac 2026 ('000 tan metrik)



Carta 2: Eksport dan import bagi getah asli Mac 2025, Februari - Mac 2026 ('000 tan metrik)



Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2026/2025
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 MEI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA, MARCH 2026

Malaysia natural rubber production decreased by 8.2 per cent in March 2026

PUTRAJAYA, 13TH MAY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, March 2026**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 8.2 per cent in March 2026 (21,310 tonnes) as compared to February 2026 (22,124 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 29.3 per cent (March 2025: 28,739 tonnes). Production of NR in March 2026 for Malaysia was mainly contributed by smallholders (87.8%) as compared to estates (12.2%).

Total stocks of NR in March 2026 decreased by 1.8 per cent to 139,174 tonnes as compared to 141,697 tonnes in February 2026. Rubber processors factory contributed 79.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (20.8%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 33,137 tonnes in March 2026, decreased by 2.2 per cent as against February 2026 (33,897 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 44.0 per cent of total exports in March 2026 followed by Germany (18.1%), Portugal (4.6%), the United States of America (4.4%) and Brazil (3.9%). The exports performance was contributed by NR-based product such as rubber gloves, tyre, tube and rubber thread. Rubber gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM0.92 billion in March 2026, an increase of 3.8 per cent as compared to February 2026 (RM0.88 billion).

In term of the average monthly price showed that concentrated latex recorded 665.40 sen per kilogram in March 2026 as compared to 586.69 sen per kilogram in February 2026 (+13.4 per cent). Meanwhile scrap recorded the average monthly price 654.27 sen per kilogram in March 2026 as compared to 631.13 sen per kilogram in February 2026 (+3.7 per cent). The World Bank Commodity Price Data reported the prices March for TSR 20 (Technically Specified Rubber) was USD1.95/kg has

increased 1.5 per cent from USD1.93/kg and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) was USD2.39/kg has increased 5.8 per cent from USD2.26/kg in previous month.

The natural rubber production in the first quarter of 2026 declined by 10.4 per cent to 71,013 tonnes as compared to 79,247 tonnes in the fourth quarter 2025. Meanwhile, the performance of the first quarter of 2026 also recorded a decrease of 25.3 per cent as compared to the same period in the previous year.

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in March 2026, the Kuala Lumpur rubber market showed an increase trend during March 2026. Positive market sentiment was further underpinned by concerns over potential rubber supply shortages and firmer synthetic rubber prices, which encouraged substitution towards natural rubber. Prices were also supported by accommodative Chinese economic policies, positive economic data from China, and constructive developments in the United States of America–China trade talks, alongside expectations by the Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC) of higher natural rubber consumption in 2026.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agricultural sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber March 2025, February - March 2026 ('000 tonnes)




Chart 2: Exports and imports of natural rubber March 2025, February - March 2026 ('000 tonnes)





Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2026/2025 ('000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 MAY 2026